

15 Oktober 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERI PINJAMAN RM140 JUTA UNTUK ELAK SEMAKAN TARIF PADA TAHUN 2017

- **“Pinjaman mudah” adalah untuk projek-projek CAPEX, dan bukannya aliran tunai.**

PULAU PINANG, Ahad (15/10/2017): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana menyediakan pinjaman mudah kepada PBAPP bagi membiayai projek perbelanjaan modal (CAPEX). Pinjaman ini akan membolehkan PBAPP berjaya dalam program-program untuk menyokong “Dasar Tiada Catuan Air” di Pulau Pinang menjelang 2020.

PBAPP ingin menegaskan bahawa pinjaman kerajaan negeri adalah untuk projek CAPEX, dan bukan untuk “aliran tunai”. PBAPP kesal dengan siaran laporan berita yang seolah-olah menunjukkan PBAPP mengalami masalah aliran tunai. Ia sememangnya tidak benar sama sekali.

Izinkan saya menyatakan dengan jelas bahawa PBAPP tidak menghadapi sebarang masalah aliran tunai pada tahun 2017. Syarikat senarai awam kami, PBA Holdings Bhd (PBAHB) telah mencatatkan keuntungan operasi dan membayar dividen kepada pemegang saham selama 14 tahun berturut-turut sejak 2003.

Walau bagaimanapun, PBAPP terus melabur dalam projek CAPEX untuk terus menambah baik perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang, selaras dengan komitmen ISO 9001: 2008 ke arah peningkatan berterusan. Kos projek CAPEX ini adalah tinggi dan memerlukan pembiayaan yang mencukupi. Dalam tempoh 2008 - 2016, PBAPP telah melabur sebanyak RM484 juta dalam 262 projek CAPEX di Pulau Pinang.

Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mesra rakyat telah

mengambil langkah ke hadapan dengan menyediakan dua “pinjaman mudah” berjumlah RM140 juta kepada PBAPP bagi mengelak semakan tarif air.

“Pinjaman mudah” akan digunakan terutamanya untuk projek-projek yang berkaitan dengan pembangunan sumber air; menaik taraf dan membina loji rawatan air dan takungan; pemasangan paip utama baru; pengurusan air tanpa hasil (NRW); serta projek sistem pengkomputeran dan sistem maklumat geografi (GIS).

Sila maklum bahawa semua projek ini bertujuan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang, dan mengelak catuan air ketika musim kemarau panjang, untuk manfaat 1.72 juta rakyat dan ribuan perniagaan.

Sejak tahun 2008, pencapaian utama PBAPP adalah:

- Tiada catuan air, tidak seperti kebanyakan negeri lain yang telah, pada satu ketika, melaksanakan catuan air;
- Air minum berkualiti tinggi yang melepasi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan; dan
- Tarif air domestik yang terendah di Malaysia (untuk 35,000 liter pertama sebulan).

PBAPP akan terus melabur dalam projek untuk mengekalkan 100% liputan bekalan air Bandar dan 99.8% di luar bandar, seiring dengan pertumbuhan sosio-ekonomi negeri. “Pinjaman mudah” dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini digunakan untuk membiayai projek CAPEX PBAPP tanpa membabitkan semakan tarif air di Pulau Pinang pada tahun 2017.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my